

A Tuliskan imbuhan peR-.....-an dan peN-.....-an pada perkataan condong yang diberi untuk melengkapi ayat-ayat di bawah.

1. Kerja-kerja *dalam* sungai itu dilakukan untuk mengatasi masalah banjir.

2. Kebanyakan penduduk di kawasan *dalam* masih miskin dan ketinggalan.

3. *Laksana* projek pembangunan itu membantu meningkatkan ekonomi di situ.

4. *Lantik* lembaga pengarah syarikat itu disokong oleh semua pihak.

5. *Letak* jawatan Perdana Menteri menyebabkan harga saham merudum.

6. *Satu* penduduk di situ bersetuju untuk mengadakan aktiviti gotong-royong.

7. Proses *satu* penduduk di negara ini berjaya dilakukan dengan berkesan.

8. *Temu* antara kedua-dua pemimpin yang bertelagah itu mencapai jalan buntu.

9. *Temu* telaga minyak memberi harapan baharu kepada penduduk di negeri itu.

10. Pusat *kembang* bahasa itu ditubuhkan bagi memantapkan bahasa rasmi kita.

11 Langkah *kembang* sayap syarikat itu dipersetujui oleh lembaga pengarahnya.

12 Kawasan *air* yang luas memudahkan pendatang asing masuk ke negara kita.
